

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT : 8
JABATAN	:	UMUM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

SRAN: Tujuh ditahan bantah operasi penguatkuasaan di Cameron Highlands

CAMERON HIGHLANDS - Seramai tujuh orang termasuk bekas Ahli Parlimen Padang Serai, N Gobalakrishnan ditahan polis susulan protes terhadap operasi penguatkuasaan di Cameron Highlands semalam.

Operasi yang dinamakan Operasi Lestari melibatkan tindakan penguatkuasaan ke atas peneroka secara haram di kawasan tadahan air Sungai Inchat di Kuala Terengganu bermula sejak minggu lepas.

Menurut laporan portal berita *Malaysiakini*, anggota Jawatankuasa Pusat MIC, MP Nathan dan Setiausaha Pemuda MIC Kebangsaan, G Theegesh turut ditahan bersama lima lagi pekebun.

Kesemua mereka bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan polis pada jam 7 petang.

Nathan berkata, ahli-ahli MIC itu tiba ke Kuala Terengganu sekitar jam 10 pagi bagi menyatakan sokongan kepada pekebun di situ dan menghalang pihak berkuasa merobohkan kebun



Anggota polis menyuarikan perhimpunan pekebun yang membantah operasi di Cameron Highlands semalam.

sayur mereka.

"Disebabkan tindakan protes sambil duduk di tepi jalan besar yang mengakibatkan kesesakan jalan raya, polis menyuarikan mereka dan menangkap tujuh individu," katanya memetik laporan tersebut.

Klip video tular menyasarkan beberapa individu dipercayai pekebun membantah tindakan per-obohan kebun haram di Sungai Inchat di situ dengan duduk di tengah jalan hingga menimbulkan ketegangan apabila mereka enggan bersurai.

Pada 7 Septembar lalu, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang melawat kawasan itu bertah agar semua pihak menghentikan segerakan penceroohan di kawasan tadahan air Kuala Terengganu.

Al-Sultan Abdullah bertah penceroohan tanah itu menyebabkan Sungai Inchat yang merupakan satu daripada sumber air bagi Loji Air Kuala Terengganu menjadi terganggu.

Sekumpulan pekebun mengadakan bantahan di Cameron Highlands semalam.

beliau awal semalam, sebanyak 11 peneroka terlibat bagi peringkat pertama dan 37 peneroka haram bagi peringkat kedua.

Katanya, keseluruhan kawasan terlibat adalah 121 hektar (300 ekar) di mana 24 hektar (60 ekar) bagi peringkat pertama dan 97 hektar (240 ekar) bagi peringkat kedua.

Tambahnya, tindakan diambil di bawah peruntukan Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 kerana menduduki tanah kerajaan tanpa izin sejak tahun 2009.

Kerajaan Pahang sudah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi Kuantan pada 11 April lalu untuk membatalkan ijn-ksi yang dibuat oleh 23 peneroka tanah di Cameron Highlands bagi penangguhan penguatkuasaan.

Sehari sebelum itu, Mahkamah Tinggi Kuantan memutuskan penangguhan penguatkuasaan di kawasan terbabit yang difailkan peneroka pada 3 April lalu.



Sekumpulan pekebun mengadakan bantahan di Cameron Highlands semalam.